



**TEKS UCAPAN  
YANG BERUSAHA TUAN MOHD. YAZID BIN SAIRI S.I.S.  
YANG DIPERTUA, MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**DI MAJLIS PERHIMPUNAN BULANAN  
BAGI BULAN OGOS DAN SAMBUTAN KEMPEN KIBAR JALUR  
GEMILANG TAHUN 2022  
PERINGKAT MAJLIS PERBANDARAN SELAYANG**

**15 OGOS 2022 (ISNIN)  
8.30 PAGI | LOBI MENARA MPS**

Bismillahirrahmanirrahim.....

Terima kasih pengacara majlis,

**Yang Amat Dihormati Tan Sri Dato' Paduka Raja Dato' Hj.Wan Mahmood bin Pa' Wan Teh,**

Orang Kaya Maha Bijaya Orang Besar Daerah Gombak yang merupakan seorang yang hebat bersama dengan kita pagi ini, untuk makluman YAD Tan Sri baru saja dianugerahkan Ijazah Kehormat Dr. Falsafah pada 13 Ogos yang lepas. Tahniah YAD Tan Sri.

**Yang Berbahagia Dato' Haji Adnan bin Mat**

Presiden CUEPACS merangkap Presiden Anulae Semenanjung Malaysia

**Yang Berusaha Tuan Haji Az'har bin Samsuri,**

Penolong Setiausaha, Majlis Perbandaran Selayang

Yang Dihormati Ahli-Ahli Majlis,

Para pengarah jabatan, Pegawai-pegawai, tuan-tuan, puan-puan warga MPS sekalian.

Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh, salam sejahtera dan salam 25 tahun penuh kemakmuran.

1. Alhamdulillah, pertama dan terutamanya marilah sama-sama memanjatkan setinggi-tinggi kesyukuran ke hadrat Allah S.W.T kerana dengan limpah kurniaNya, dapat kita bersama-sama untuk berhimpun di hari yang cukup bermakna ini dalam Majlis Perhimpunan Bulan Ogos dan Sambutan Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat Majlis Perbandaran Selayang bagi Tahun 2022.
2. Pada hari ini juga, kita juga rasa amat bertuah kerana menerima kunjungan daripada Yang Berbahagia Dato' Haji Adnan bin Mat, Presiden CUEPACS merangkap Presiden ANULAE Semenanjung Malaysia. Saya sesungguhnya percaya kehadiran Yang Berbahagia Datuk ke MPS yang saya difahamkan akan mempunyai keahlian ANULAE tertinggi di Malaysia untuk berkongsikan perkembangan semasa penjawat awam amatlah dihargai dan semoga ianya dapat memberi manfaat kepada semua yang hadir pada pagi ini. Saya mewakili kepimpinan MPS juga berharap agar kerjasama erat sedia ada di antara ANULAE MPS dan juga ANULAE Semenanjung akan terus dapat dikekalkan pada masa hadapan.

## **SAMBUTAN HARI KEBANGSAAN DAN KEMPEN KIBAR JALUR GEMILANG**

3. Kita semua sedia maklum bahawa bulan Ogos adalah bulan yang sangat sinonim dengan Kemerdekaan. Perkataan ‘Merdeka’ sebagaimana diertikan dalam Kamus Dewan bermaksud bebas daripada penjajahan, kurungan, naungan dan sebagainya. Ia juga bermaksud lepas daripada tebusan atau turutan serta berdiri sendiri dan tidak bergantung pada yang lain. Manakala tokoh-tokoh tersohor mengertikan merdeka kepada makna yang lebih luas.
4. Pendeta Za’ba mengertikan kemerdekaan sebagai berubah daripada kepercayaan bodoh yang melemahkan akal dan ikhtiar kepada kepercayaan yang cerdik yang membebaskan fikiran; daripada ajaran yang mematikan hati kepada ajaran yang menghidupkan dan menyuburkan dia; daripada i’tiqad-i’tiqad yang serong dan terpesong kepada i’tiqad yang subur dan merdeka; daripada kezaliman pemerintahan berdasarkan hawa nafsu kepada kesolehan; dan daripada fikiran-fikiran yang menahankan dan menyekat kemajuan kepada fikiran yang membebaskan kemajuan dan menggalakkan kemaraan yang baik-baik dan mulia.

5. Manakala Tokoh Indonesia, Haji Abdul Malik Karim Amrullah atau pun dikenali dengan nama Hamka dalam bukunya Falsafah Hidup, beliau telah menjalankan berkenaan pengertianan kemerdekaan seperti berikut – iaitu bahawa kau rasai dengan perasaan yang jernih, hak yang perlu kau ketahui, dan waktu itu kau rasai apa pula kewajipan kepada orang lain. Kau boleh mengeluarkan apa yang terasa di hatimu, asal kau hormati pula kemerdekaan orang lain dan kau bayarkan kewajipan yang diminta oleh masyarakat kepada kau.
6. Kita semua sedia maklum bahawa sambutan kemerdekaan yang kita adakan pada 31 Ogos setiap tahun adalah bagi memperingati penat terik perjuangan dan pengorbanan sehingga ke titisan darah terakhir para perwira negara. Sehingga akhirnya tanah melayu dibebaskan daripada penjajahan Inggeris pada tanggal 31 Ogos 1957. Melalui khidmat kemerdekaan yang kita kecapi hasil daripada pengorbanan generasi terdahulu, kita hari ini dapat hidup dengan lebih selesa, harmoni dan makmur serta bertolak ansur dalam menjalinkan hubungan sekaligus memperkuuhkan perpaduan kaum.
7. Namun, kemerdekaan tidak cukup untuk kita ingati bahkan sambutan yang kita adakan pada setiap tahun

adalah perlu untuk kita menyuburkan roh patriotisme dalam diri kita dan untuk kita titipkan roh patriotisme tersebut ke dalam generasi yang akan datang. Pentingnya penghayatan terhadap patriotisme sehingga diungkapkan oleh junjungan besar Rasulullah SAW dalam sabdanya yang berbunyi حُبُّ الْوَطَنِ مِنَ الْإِيمَانِ atau pun bermaksud cintai tanah air itu adalah sebahagian daripada iman. Maka dapat kita fahami cacatlah iman seseorang itu andai tiada sifat patriotisme di dalam diri mereka.

8. Pada tahun ini, Negeri Selangor telah memilih **#KitaSelangor Teguh Bersama** sebagai tema sambutan Kemerdekaan peringkat negeri. #KitaSelangor Teguh Bersama membawa maksud yang begitu dekat dengan setiap daripada kita. Ianya membawa maksud bahawa rakyat di negeri Selangor sentiasa bersatu teguh dalam menghadapi cabaran yang ada pada seluruh rakyat negeri Selangor tanpa mengira latar belakang pekerjaan sama ada penjawat awam, sektor swasta, sukarelawanan mahupun orang berseorangan atau pun latar belakang kaum mahupun agama sama-sama teguh berganding bahu dalam satu saf yang kukuh bagi mengharungi marabahaya dan mempertahankan bumi

Selangor daripada sebarang anasir mahupun apa-apa bentuk cabaran yang datang melanda.

9. #KitaSelangor Teguh Bersama dalam memacu semua pembangunan, merancakkan aktiviti ekonomi demi memakmurkan negeri untuk kesejahteraan dan kebajikan rakyat. Maka bagi menyemarakkan lagi semangat patriotisme dalam kalangan kita, semua sebagai warganegara Malaysia hari ini marilah kita sama-sama mengangkat dan menyambut pelancaran Kempen Jalur Gemilang peringkat Majlis Perbandaran Selayang yang secara simboliknya nanti akan disusuli dengan pengagihan Jalur Gemilang kepada semua Ahli-ahli Majlis dan juga warga MPS. Kita harapkan agar segenap masyarakat akan sama-sama menaikkan bendera Jalur Gemilang sama ada di kediaman, premis perniagaan dan juga di kenderaan masing-masing.

**YAD Tan Sri, Yang Berbahagia Dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

10. Seterusnya, saya ingin mengambil kesempatan hari ini juga untuk berkongsi beberapa kejayaan yang telah dilakar oleh Majlis Perbandaran Selayang akhir-akhir ini.

## **KEJOHANAN PIHAK BERKUASA TEMPATAN (MALA)**

11. Pertamanya, baru- baru ini pada pertandingan Ping Pong Kejohanan Sukan Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) Malaysia (MALA) yang telah berlangsung di Majlis Daerah Pekan, Pahang pada 5 hingga 7 Ogos 2022, MPS telah melakar kejayaan sebagai juara. Yang ini kita merdeka daripada kekalahan kepada kemenangan. Inilah merdeka yang kita mahukan.
12. Kejayaan ini adalah merupakan kejayaan kali ketiga MPS menjadi johan dalam kejohanan yang sama. Pada pertandingan akhir ping pong ini, MPS berjaya menumpaskan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu dengan keputusan 3-1.
13. Pasukan ping pong MPS telah berjaya merangkul trofi juara dan hadiah wang tunai sebanyak RM2,000 berserta medal. Sekali lagi saya ucapkan tahniah kepada pasukan ping pong MPS atas usaha anda dalam penyertaan kali ini dengan jayanya. Maka cabaran seterusnya akan datang kepada pasukan-pasukan lain yang akan menyertai pertandingan MALA ini seperti badminton, sepak takraw dan juga sebagainya.

## **EKOSISTEM KONDUSIF SEKTOR AWAM (EKSA)**

14. Saya juga ingin mengucapkan tahniah kepada seluruh warga MPS atas pengiktirafan MPS untuk melayakkan pensijilan Ekosistem Kondusif Sektor Awam (EKSA) secara Do-It-Yourself (DIY) dengan memenuhi keperluan komponen pensijilan dan telah merekodkan pencapaian sebagai 'Cemerlang'.
15. Jadi saya ingin mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan tahniah di atas kerjasama dan komitmen yang diberikan oleh seluruh warga MPS semasa Sesi Penilaian EKSA DIY yang telah berlangsung pada 22 hingga 24 Jun 2022.
16. Saya berharap kita dapat mengekalkan amalan dan pelaksanaan EKSA ini di MPS sehingga pensijilan semula pada tahun 2024.

## **PENILAIAN SISTEM PENARAFAN BINTANG**

17. Seterusnya, untuk makluman seluruh warga MPS juga telah menerima lawatan pasukan penilai daripada Bahagian Inspektorat KPKT Malaysia, bagi sesi penilaian

Sistem Penarafan Bintang Pihak Berkuasa Tempatan (SPB-PBT) 2022.

18. Sesi penilaian ini adalah bagi memberi penarafan bintang terhadap prestasi Pihak Berkuasa Tempatan Malaysia menerusi kaedah penggredan yang seragam.
19. Syabas diucapkan kepada semua warga kerja MPS yang telah bertungkus lumus menyediakan dokumen dan memberikan sepenuh komitmen sepanjang sesi penilaian tersebut dan saya percaya atas berkat usahasama semua warga MPS, MPS akan mampu mengekalkan penarafan lima bintang sebagaimana yang kita peroleh pada tahun 2018 yang lepas.

**YAD Tan Sri, Yang Berbahagia Dato', tuan-tuan dan puan-puan sekalian,**

## **PENUTUP**

20. Kemerdekaan Negara kita yang telah lalu kita sambut dengan penuh penghayatan dan keinsafan. Namun masih ada cabaran dan perjuangan demi sebuah kemerdekaan yang menanti kita pada masa hadapan.

21. Oleh itu, marilah kita sama-sama perjuangkan kemerdekaan daripada pemikiran penjajah. Kemerdekaan daripada penjajahan ekonomi, kemerdekaan daripada budaya ciplak dan songsang yang tiada kena mengena dengan adab resam ketimuran Negara Malaysia, kemerdekaan daripada sikap dan peribadi yang buruk dan jelik, kemerdekaan daripada malas, lalai, cuai, miskin, lemah, sifat berbolak-balik dan pelbagai jenis penyakit hati yang berbahaya, kemerdekaan daripada kemurungan dan kedukacitaan, kesedihan, perasaan yang lemah dan juga pemikiran yang lemah. Kemerdekaan daripada perpecahan, pergaduhan, permusuhan, dan juga konflik sesama warga. Kemerdekaan daripada kelemahan pembinaan institusi kekeluargaan dan kemerdekaan dari sifat ekstrem.
22. Akhir sekali saya ingin menyeru kepada semua warga MPS agar dapat memberi sokongan dan tunjukkan kita bersungguh-sungguh dalam menyambut bulan kemerdekaan ini. Sama-samalah kita mengibarkan Jalur Gemilang sebagai menyahut seruan Kerajaan.
23. Di sini saya juga ingin menjemput seluruh warga MPS untuk bersama-sama menyambut Hari Kemerdekaan ke-

65 Peringkat Negeri Selangor yang akan diadakan pada 30 Ogos 2022 nanti bertempat di Dataran Kemerdekaan Shah Alam yang mana, Jabatan Penguatkuasaan dan Keselamatan akan mewakili MPS dalam perbarisan pada malam itu.

24. Terima kasih juga diucapkan kepada semua yang terlibat menjayakan program pada pagi ini. Di sini saya sekali lagi mengucapkan Selamat Menyambut Kemerdekaan yang ke-65 kepada semua Ahli Majlis dan semua warga Majlis Perbandaran Selayang.
25. Dengan lafaz Bismillahirahmanirahim....saya dengan ini merasmikan Sambutan Kempen Kibar Jalur Gemilang Peringkat Majlis Perbandaran Selayang tahun 2022.

Sekian, wassalamualaikum w.b.t dan terima kasih.